



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan tetap di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan seperti berikut :

A. JAWATAN AKADEMIK

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | |
|--|-----------------|------|-------------------|-------------|--------------|
| | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | | | | | |
| 1. | PROFESOR | VK7 | Pensyarah UiTM | RM 7,676.00 | RM 20,592.00 |
| 2. | PROFESOR MADYA | DM53 | Pensyarah UiTM | RM 6,162.00 | RM 13,235.00 |
| 3. | PENSYARAH KANAN | DM51 | Pensyarah UiTM | RM 5,855.00 | RM 12,445.00 |
| 4. | PENSYARAH | DM45 | Pensyarah UiTM | RM 3,070.00 | RM 11,095.00 |

| FAKULTI | BIDANG |
|--|--|
| FAKULTI PERAKAUNAN | SYSTEM AND ASSURANCE |
| FAKULTI UNDANG-UNDANG | UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN |
| KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK | TEKNOLOGI MAKLUMAT (PENGAJIAN SAINS PENGKOMPUTERAN) |
| AKADEMI PENGAJIAN BAHASA | BAHASA INGGERIS |

JAWATAN AKADEMIK

PENSYARAH UiTM (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45

- (c)
 - (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,070.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan

Lembaga Arkitek Malaysia;

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,070.00); atau

- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,380.37)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51

- (d) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c);
dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM51 : RM5,855.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)

- (e) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53 : RM6,162.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (f) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred VK7 : RM7,676.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
 - Kad Pengenalan Calon, Ibu & Bapa
 - Sijil Kelahiran Calon, Ibu & Bapa
 - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah (Ph.D) (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat) dan Laporan Prestasi Tahunan

*Sila kemukakan DOKUMEN melalui link seperti berikut : <https://forms.gle/KvHbLyRsCRFYArC96>

2. Pemohon - pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas / Kelas Kedua Tinggi /Mumtaz/ Jayyid Jiddan atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.
3. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
4. Borang / dokumen yang tidak lengkap, tidak jelas dan kabur tidak akan diproses.
5. Hanya pemohon - pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
6. Pemohon - pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
7. Pemohon - pemohon yang menuntut di Tahun Akhir Universiti Awam / Swasta adalah tidak dibenarkan membuat sebarang permohonan jawatan kecuali keputusan semester akhir telah diperakuan oleh SENAT.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Kelantan di <https://kelantan.uitm.edu.my>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Mei 2024 (Khamis)**.

Sila kemukakan Borang Permohonan Perjawatan dan Salinan permohonan (PDF) melalui link seperti berikut :
<https://forms.gle/KvHbLyRsCRFYArC96>



Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada:

- | | |
|------|--|
| Bil. | No. Tel |
| 1. | 09-976 2024 (<i>whatsapp business</i>) |
| 2. | 09-976 2068 (<i>whatsapp business</i>) |